

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 28/3/2016

Muka surat: 14

Tajuk : Pusat Buah Pinggang dicadang dibina di Kota Samarahan

Pusat Buah Pinggang dicadang dibina di Kota Samarahan

KUCHING: Sebuah Pusat Buah Pinggang dicadang akan dibina di Kota Samarahan, dekat sini untuk kemudahan pesakit itu mendapatkan rawatan.

Menjelaskan mengenai perkara itu, isteri Ketua Menteri Datin Patinggi Datuk Jamilah Anu berkata, perancangan pembinaan pusat itu kini dalam proses rundingan bersama Persatuan Buah Pinggang Malaysia.

“Saya amat menyokong cadangan ini dan saya bersedia serta ikhlas untuk membantu sehingga ia (Pusat Buah Pinggang) dapat direalisasikan,” katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Amal Sinaran Kasih Persatuan Wanita UNIMAS (MASNITA), di sini, malam kelmarin.

Hadir menyerikan majlis itu ialah isteri Yang di-Pertua Negeri Toh Puan Ragad Kurdi Taib.

Mengulas mengenai majlis itu, Jamilah berkata ia adalah antara cara terbaik untuk mencari dana yang dapat disalurkan kepada golongan memerlukan.

Jelasnya, meskipun untuk meminta belas kasihan masyarakat adalah perkara sukar, namun dengan adanya strategi serta perancangan yang baik, matlamat untuk mengumpul dana sumbangan pasti akan menjadi mudah.

“Sebagai contoh MASNITA, mereka telah menunjukkan usaha keras dalam membantu golongan yang amat memerlukan dan seperti



SUMBANGAN IKHLAS: Jamilah (dua kiri) dan Ragad (tengah) bersama tetamu lain pada Majlis Makan Malam Amal Sinaran Kasih MASNITA di Kuching, malam kelmarin.

yang difahamkan, kutipan dana daripada majlis ini akan diserahkan kepada dua persatuan iaitu Yayasan Jantung Sarawak dan Persatuan Buah Pinggang Sarawak.

“Ini juga jelas memperlihatkan MASNITA gigih dalam usahanya untuk mempuaskan rasa kasih sayang serta keikhlasan dalam diri individu untuk terus menyumbang dan membantu masyarakat memerlukan,” jelasnya.

Sementara itu, Yang Dipertua MASNITA Datin Kartini Ahmad berkata, MASNITA ditubuhkan sejak 15 tahun lalu dengan matlamat untuk memperkasakan ahlinya sebagai individu bermatlamat, berpengetahuan tinggi dan

berdikari.

Katanya, persatuan itu telah banyak menjalin hubungan kerjasama dengan pelbagai pihak untuk mengenal pasti masyarakat yang memerlukan sumbangan dan bantuan.

“Ini (membantu) sememangnya matlamat utama persatuan kami (MASNITA). Orang sering bertanya, apakah yang kami akan dapat dengan melakukan kerja amal?

“Jawapan kami ringkas, keserian serta kegembiraan yang terpancar di wajah muka anak-anak yang kami bantu, jelas membuktikan mereka tahu bahawa kami menitikberatkan kebajikan mereka,” katanya.

Majlis tersebut adalah sempena program MASNITA Bersama Komuniti yang dijalankan sepanjang tahun ini.

Majlis itu juga merupakan acara kemuncak daripada dua acara besar yang dijalankan MASNITA termasuk Fiesta MASNITA yang berlangsung 12 Mac lalu.

Ia turut diserikan dengan persembahan Orkestra UNIMAS dan pertunjukan fesyen oleh Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS di bawah bimbingan pensyarah Asrul Asshadi Mohamad Morni.

Turut hadir Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suai, serta ahli MASNITA.